



# Malaysia



**Setem<sup>2</sup> Pos Kenang<sup>2</sup>an**



## MALAYSIA

Setem<sup>2</sup> Pos Khas yang berharga 10 sen, 12 sen dan 50 sen akan di-keluarkan pada Hari Malaysia menandakan kelahiran Malaysia.

Butir<sup>2</sup> berkenaan setem<sup>2</sup> yang akan di-keluarkan itu ada-lah saperti berikut:

**Ukoran:** Ukoran<sup>2</sup> jarak dari lubang yang di-hujong<sup>2</sup> setem ada-lah 36 mm × 25 mm (melintang) tiap<sup>2</sup> sa-keping sa-ratus setem.

**Chara Chetak:** Photogravure.

**Gambar Hiasan:** Merupakan sa-biji bintang dengan empat-belas runchinan yang chahaya-nya memanchar di-wilayah<sup>2</sup> Malaysia.

**Warna:** 10 sen—Bintang dan wilayah<sup>2</sup> Malaysia berwarna kuning dan latar belakang-nya berwarna ungu.

12 sen—Bintang dan wilayah<sup>2</sup> Malaysia berwarna kuning dan latar belakang-nya berwarna hijau.

50 sen—Bintang dan wilayah<sup>2</sup> Malaysia berwarna kuning dan latar belakang-nya berwarna pirang tua.

**Kertas:** Kertas yang berchap bayang PTM.

**Di-Chetak oleh:** Harrison & Sons Ltd, London.

**Tempoh Jualan:** Tiga bulan dari tarikh pengeluaran-nya atau sa-hingga setem<sup>2</sup> itu habis, mengikut mana yang terdahulu.

Kemungkinan mengadakan persatuan politik antara Persekutuan Tanah Melayu, Singapura dan Wilayah<sup>2</sup> Borneo Utara, Sarawak dan Brunei telah mula<sup>2</sup>-nya di-shorkan oleh Yang Teramat Mulia Perdana Menteri, Persekutuan Tanah Melayu dalam suatu uchapan waktu makan tengah hari di-persidangan surat khabar di-Singapura pada 27hb Mei, 1961. Shor ini telah di-sambut dengan baik oleh Kerajaan British dan suatu undangan telah di-buat kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman supaya datang ka-London pada bulan November, 1961 untuk mengadakan perbinchangan<sup>2</sup> yang bertujuan untuk mendapatkan persetujuan di atas dasar-nya dan juga untuk menyediakan jalan bagi perundingan selanjut-nya dengan wilayah<sup>2</sup> Borneo. Sa-barang keputusan tiada mungkin tercapai dengan tiada ada rundingan terlebeh dahulu dengan wilayah<sup>2</sup> Borneo itu.

Satu kenyataan bersama daripada Kerajaan British dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah di-keluarkan. Kenyataan ini menegaskan bahawa penubohan Persekutuan Malaysia adalah merupakan matlamat yang di-perlukan dan mengumumkan juga bahawa pendapat<sup>2</sup> penduduk<sup>2</sup> Borneo Utara dan Sarawak terhadap Persekutuan ini mesti di-tinjau dan di-pastikan. Sa-buah Surohanjaya untuk melaksanakan kerja<sup>2</sup> ini dan untuk membuat shor<sup>2</sup> telah ditubohkan.

Surohanjaya ini yang di-ketuai oleh Lord Cobbold sa-bagai Pengerusi-nya terdiri daripada 2 orang ahli di-lantek oleh Kerajaan British dan 2 orang lagi di-lantek oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu di-kenal dengan nama Persurohanjaya Cobbold. Minat dan perhatian penoh daripada orang ramai telah di-bangkitkan dan Kerajaan<sup>2</sup> Borneo Utara dan Sarawak telah mengeluarkan kertas<sup>2</sup> menjelaskan tujuan<sup>2</sup> surohanjaya ini serta menerangkan rancangan Malaysia dengan arti-kata yang sa-mudah<sup>2</sup>-nya supaya orang ramai dapat memahami soal<sup>2</sup> yang sa-benar-nya dan supaya fikiran dan pendapat mereka mengenai-nya dapat di-terima dan di-timbangkan. Sa-chara tiada resmi pertukaran pendapat dan fikiran yang berkesan antara wakil<sup>2</sup> dari Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Borneo Utara, Sarawak dan pemerhati<sup>2</sup> dari Brunei telah di-adakan, ia-itu sa-bagai akibat penubohan sa-buah Jawatan-Kuasa Perundingan dan Perpaduan Malaysia. Sa-buah salinan kertas Jawatan-Kuasa ini yang bertajok "Memorandum Mengenai Malaysia" bertarikh 3hb Februari, 1963 telah di-serahkan untuk pertimbangan Surohanjaya Cobbold.

Surohanjaya Cobbold mula berkerja di-Kuching pada 12hb Februari, 1962. Semua orang yang ingin mengemukakan pendapat<sup>2</sup> dan fikiran<sup>2</sup> mereka di-jemput berbuat demikian. Lembaga Bandaran, Majlis Daerah, Parti<sup>2</sup> Siasah, Kesatuan<sup>2</sup> Sekerja, Pemimpin<sup>2</sup> Ugama, Ahli<sup>2</sup> Majlis Meshuarat Kerajaan dan Meshuarat Undangan, Ketua<sup>2</sup> Bumiputera, Pemimpin<sup>2</sup> Kaum dan orang<sup>2</sup> ramai telah memberi pendapat<sup>2</sup> mereka. Sa-banyak 2,200 surat dan memoranda telah di-terima. 50 perjumpaan telah di-adakan di-35 pusat yang berlainan. Perjumpaan<sup>2</sup> ini dan pendapat<sup>2</sup> yang di-beri telah di-anggap sa-bagai sulit. Penyata Cobbold itu telah di-terbitkan pada 1hb Ogos, 1962. Surohanjaya itu telah bersetuju dengan sa-bulat suara bahawa sa-buah Persekutuan Malaysia akan memberi faedah yang sa-baik<sup>2</sup>-nya bagi Borneo Utara dan Sarawak dan bahawa suatu keputusan pada dasar-nya hendak-lah di-buat dengan segera-nya. Sa-telah mengkaji Penyata ini dan dengan tercapai-nya persetujuan perchantuman antara Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan Kerajaan Singapura, maka Kerajaan British dan Kerajaan Tanah Melayu telah memutuskan pada dasar-nya ia-itu dengan terta'alok kapada undang<sup>2</sup> yang mustahak, Persekutuan Malaysia yang di-chadangkan itu hendak-lah di-wujudkan sa-belum 31hb Ogos, 1963.

Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Kerajaan British memutuskan hendak menubohkan sa-buah Jawatan-Kuasa Antara Kerajaan mengandungi ahli<sup>2</sup> yang mewakili Kerajaan British, Kerajaan Tanah Melayu, Kerajaan Borneo Utara dan Sarawak. Tugas-nya ia-lah menyediakan susunan perlombagaan yang akan di-kanunkan, termasok-lah jaminan<sup>2</sup> bagi memelihara kepentingan<sup>2</sup> khas Borneo Utara dan Sarawak berkenaan dengan perkara<sup>2</sup> seperti kebebasan beribadat, pelajaran, perwakilan dalam parlimen Persekutuan, kedudukan bangsa<sup>2</sup> bumiputera, imigresen, kewarga Negaraan

dan Perlembagaan Negeri. Jawatan-Kuasa Antara Kerajaan telah mengeluarkan laporan-nya menawarkan susunan perlembagaan dan pertadbiran yang tertentu bagi memelihara kepentingan<sup>2</sup> wilayah<sup>2</sup> baharu yang memasuki Malaysia dengan tidak menghinakan fahaman Kerajaan Pusat yang kukoh dan tepat itu. Penyata itu telah di-terima dan di-persetujui oleh Kerajaan<sup>2</sup> yang berkenaan dan shor<sup>3</sup> yang terkandong di-dalam-nya di-jadikan bahan dan panduan bagi memasokkan Wilayah<sup>2</sup> Borneo dalam Malaysia.

Sementara itu perundingan<sup>2</sup> dengan Singapura telah juga di-jalankan bagi perchantuman Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu dan kemasukan-nya sa-bagai sa-buah negeri di-dalam Malaysia. Pembentukan perlembagaan dengan pindaan<sup>2</sup> yang di-kehendakki membahagikan kuasa<sup>2</sup> antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri serta juga memberi kuasa penoh kepada Singapura di-dalam beberapa perkara tempatan telah di-persetujui. Tetapi peratoran<sup>2</sup> ini telah sekali lagi di-buat dengan tiada menyentoh dasar yang utama berkehendakkan Kerajaan Pusat Malaysia yang kukoh dan tepat.

Segala perundingan<sup>3</sup> yang tersebut di atas telah selesai apabila ditanda tangani perjanjian berkenaan dengan Malaysia di-London pada 8hb Julai, 1963. Sa-telah di-buat demikian muncul-lah Negara Malaysia yang baharu yang akan mengandungi ka-sebelas buah negeri di-dalam Persekutuan Tanah Melayu sekarang ini, Singapura, Borneo Utara (yang akan di-panggil Sabah apabila lahir Malaysia) dan Sarawak. Penubohan Persekutuan Malaysia merupakan penyatuan negeri<sup>2</sup> dan penduduk-nya yang sama<sup>2</sup> telah memutuskan untuk berbuat demikian dan untuk mengumpulkan hasil<sup>2</sup> dan kemungkinan<sup>3</sup> untuk kebaikan bersama.

Penubohan Persekutuan Malaysia akan membuktikan kechenderongan penduduk<sup>2</sup> yang berjuta<sup>2</sup> dalam negeri<sup>2</sup> yang masuk dalam Negara baharu itu dan chita<sup>2</sup> mereka akan terchapai dengan sa-penoh<sup>2</sup>-nya. Harapan mereka ia-lah supaya dapat naongan dan pimpinan dalam sa-buah negara yang sa-benar<sup>2</sup>-nya berparlimen demokrasi dan yang akan dapat menjamin kehidupan mereka yang lebeh ma'amor dan bahagia pada masa yang kehadapan. Negara baharu ini akan mengambil tempat-nya di-antara bangsa<sup>2</sup> dunia yang bebas serta menyumbangkan segala tenaga-nya bagi mencapai kerjasama, perasaan saling mengerti, antara segala bangsa dalam dunia ini. Malaysia akan juga membantu dalam perpaduan tenaga dunia bagi menghapuskan kejahanan, kepapaan, pertelingkahan dan kelaparan daripada sisi manusia umum-nya di atas muka bumi ini.